KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PENGHARGAAN PEMENANG PINGAT PERTANDINGAN KEMAHIRAN DUNIA (WSC) 2021

Tujuh peserta dan empat Pakar Negara daripada Institusi Pendidikan MARA (IPMA) raih pencapaian cemerlang dalam Pertandingan Kemahiran Dunia (Worldskills Competition) tahun 2021 yang telah diadakan secara dalam talian bermula sejak Mac 2021 yang lalu. Pertandingan-pertandingan tersebut adalah:

i) ***3rd Khabarovsk International Skills Competition Under WorldSkills Umbrella***, anjuran ***WorldSkills Russia 2021*** yang berlangsung mulai 1 hingga 3 Mac 2021;

ii) ***9th National Skills Competition 2021,*** anjuran ***WorldSkills Russia 2021*** yang berlangsung mulai 21 hingga 25 Julai 2021; dan

iii) ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021)*** yang berlangsung sepanjang bulan Julai dan Ogos 2021.

Pertandingan *WorldSkills Competition (WSC)* adalah pertandingan kemahiran peringkat tertinggi di dunia dalam mengiktiraf belia-belia yang berkemahiran tinggi dan penyertaannya terbuka kepada semua negara yang menjadi ahli *WorldSkills International*. Manakala, pertandingan *WorldSkills Asia (WSA)* pula ialah pertandingan kemahiran peringkat Asia di mana para belia dari negara-negara rantau Asia bertanding bagi mencari peserta terbaik dalam bidang masing-masing. Pertandingan ini bertujuan untuk mempromosikan kecemerlangan dalam pembangunan kemahiran dan kompetensi di kalangan negara-negara di Asia.

Antara bidang kemahiran yang dipertandingkan di WSC dan WSA adalah seperti *Mechanical Engineering Design – CAD, Rapid Prototyping, Industrial Design Technology, Graphic Design Technology, Enterprise Information System Security* dan *Aerial Robotics (Drone Operating).*

Walaupun format penganjuran pada tahun ini berubah daripada penganjuran secara fizikal kepada secara dalam talian sepenuhnya, berikutan penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, keupayaan bakat dan kebolehan peserta Malaysia khususnya pelajar di bawah Institusi TVET KPLB untuk bersaing dan seterusnya memenangi Pingat Emas dan Pingat Perak dalam pertandingan kemahiran di peringkat tinggi seperti ini telah menaikkan imej dan mengharumkan nama negara.

Objektif penyertaan untuk menggalakkan pertukaran idea dan pengalaman di dalam bidang vokasional serta memberi peluang kepada institusi latihan vokasional dari seluruh dunia untuk saling bertukar maklumat, pandangan dan mengeratkan perhubungan mengumpul serta memanfaatkan maklumat berkaitan dengan tahap kemahiran bertaraf dunia serta memberi motivasi serta galakan kepada kumpulan profesional muda supaya lebih mendalami pembelajaran serta latihan di dalam kerjaya masing-masing.

Penyertaan Malaysia di pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa juga mampu memberi impak dalam mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap latihan kemahiran, meningkatkan keyakinan pelabur terhadap kesediaan Malaysia membekal tenaga mahir negara yang bertaraf dunia, mengiktiraf belia Malaysia ke peringkat dunia melalui pertandingan kemahiran dan menanda aras latihan dan kepakaran di Malaysia setaraf dengan negara maju.

MAKLUMAT PENYERTAAN

Pada tahun ini, tujuh (7) orang peserta Institusi Pendidikan MARA (IPMA) iaitu pelajar-pelajar daripada Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan juga Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), telah menyertai *Worldskills Competition* (WSC) dalam pelbagai bidang kemahiran secara dalam talian. Manakala empat (4) orang Pakar Negara di kalangan tenaga pengajar IPMA telah dipilih dan dilantik untuk melatih peserta negara untuk *Worldskills Competition* ini.

Seorang peserta telah memenangi pingat emas manakala tiga yang lain meraih pingat perak iaitu:

i) **Hood Haqqi Bin Adzlan** daripada **Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Kuantan**, yang telah berjaya memenangi **Pingat Emas** dalam bidang ***Rapid Prototyping*** di ***9th National Skills Competition 2021****;*

ii) **Muhammad Hafizuddin Bin Norizan** daripada **KKTM Rembau,** berjaya memenangi **Pingat Perak** dalam bidang ***Graphic Design Technology*** di ***3rd Khabarovsk International Skills Competition Under WorldSkills Umbrella***;

iii) **Ameer Aiman Bin Misron** daripada **Universiti Kuala Lumpur,** ***Malaysia Italy Design Institute*** **(UNIKL MIDI)**, berjaya memenangi **Pingat Perak** dalam bidang ***Industrial Design Technology*** **di** ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021)****;* dan

iv) **Nur Umairah Binti Mohamad Suwandi** daripada **Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Sungai Besar**, berjaya memenangi **Pingat Perak** dalam bidang ***Aerial Robotics (Drone Operating – Junior)*** di ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021)****.*

KPLB juga berbangga dengan peserta IPMA yang mengambil bahagian walaupun tidak dapat menyumbangkan pingat iaitu:

i) **Muhammad Shahrul Fecrie Bin Ismail** daripada **KKTM Kemaman** dalam bidang ***Mechanical Engineering Design – CAD*** di **3rd *Khabarovsk International Skills Competition Under WorldSkills Umbrella***;

ii) **Irfan Badzlin Bin Abdul Hisham** daripada **UniKL – Malaysia Institute Of Information Technology (MIIT)** dalam bidang ***Enterprise Information System Security*** di ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021)***;

iii) **Muhammad Ammar Bin Mohd Haniz** daripada **UniKL – Malaysia France Institute (MFI)** dalam bidang ***Mechanical Engineering Design – CAD*** di ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021)*;** dan

iv) **Muhammad Hafizuddin Bin Norizan** daripada **UniKL – Malaysia Institute Of Information Technology (MIIT)** dalam bidang ***Graphic Design Technology*** di ***WorldSkills Asia (Online Friendly Skills Games 2021).***

Empat Pakar Negara yang terlibat ialah:

i) **Mohd Asnawi Bin Omar** daripada **KKTM Kuantan**;

ii) **Dr. Norhisham Sejayah** daripada **UniKL – Malaysia Industrial Design Institute (MIDI)***;*

iii) **Junita Binti Mohd Said** daripada **UniKL – Malaysia France Institute (MFI)***;* dan

iv) **Dr. Ahmad Shahrafidz Khalid** daripad**a UniKL – Malaysia Institute Of Information Technology (MIIT)***.*

Hasil kejayaan peserta dan pakar negara ini turut memperkuatkan lagi iltizam Kementerian untuk melihat anak-anak muda Malaysia melakar nama dalam pelbagai bidang kemahiran bukan sahaja dalam negara, malahan hingga ke peringkat serantau dan global. Seterusnya, segala kemahiran diperolehi ini dapat digunakan untuk menyumbang kepada keperluan tenaga kerja mahir negara kelak dan menjadi usahawan yang berjaya.

Di samping itu, Institusi TVET KPLB akan melaksanakan program susulan bagi mewujudkan kesinambungan kepada para peserta dan Pakar Negara dengan mewujudkan alumni di kalangan peserta supaya ianya dijadikan platform untuk mengumpulkan kepakaran, mengembangkan bakat dan menyokong institusi dalam pelbagai bidang.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

YB. DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
4 OKTOBER 2021